

2 setiausaha sulit Najib ada kaitan bon ketiga

Saksi utama dedah bon Projek Catalyze bernilai RM12.6 bilion

New York: Bekas jurubank Goldman Sachs, Tim Leissner, mendedahkan dua setiausaha sulit bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, terbabit dalam penerbitan bon ketiga untuk 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Leissner, saksi utama perbicaraan kes rasuah bekas rakan sekerjanya, Roger Ng di New York, Amerika Syarikat (AS), mendedahkan bon berkenaan adalah bagi Projek Catalyze yang bernilai AS\$3 bilion (RM12.6 bilion).

Katanya, bon ketiga itu bergantung kepada surat sokongan kerajaan Malaysia dan bukan berdasarkan jaminan Internatio-

nal Petroleum Investment Company (IPIC) seperti mana dua bon pertama iaitu bagi Projek Magnolia dan Projek Maximus.

Leissner berkata dia mengadakan beberapa pertemuan dengan Azlin Alias dan seorang lagi setiausaha sulit bekas perdana menteri itu, Amhari Efendi Nazaruddin selain Kementerian Kewangan dan serta Perbendaharaan untuk mendapatkan surat sokongan itu.

Tambahnya, satu pertemuan turut diadakan bersama Najib di pejabat rasminya di Putrajaya untuk memperoleh surat sokongan yang ditandatangani sendiri.

Katanya, suspek utama skandal 1MDB, Low Taek Jho atau Jho Low, memberitahu kepadanya dan Roger Ng bahawa mereka tidak akan menerima sebarang 'imbuhan' seperti mana dua

projek pertama.

"Jho Low memberi alasan dana yang dikumpulkan Projek Catalyze perlu digunakan untuk membiayai Pilihan Raya Umum 2013 (PRU13), bagi memberi 'sumbangan' kepada pengundi sebagai 'amalan biasa' di Malaysia.

"Saya tidak tahu ke mana aliran sebenar wang itu atau sama ada ia diterima secara peribadi oleh Najib," katanya.

Leissner juga berkata Azlin juga terbabit selepas itu apabila Goldman Sachs berusaha melupuskan AS\$700 juta (RM3 bilion) bon Catalyze yang tidak dapat dijual selepas transaksi Project Catalyze.

Leissner dan Roger Ng turut menghubungi Jho Low bagi mendapatkan bantuannya menjual beberapa bon kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di Malaysia seperti Lembaga Tabung

Haji dan Kumpulan Wang Persewaan Diperbadankan (KWAP).

Difahamkan, salah satu bukti yang dikemukakan dalam kes itu ialah rantaian e-mel dihantar Leissner kepada Roger Ng pada 6 November 2013, yang turut mengandungi e-mel pertama dihantar oleh Jho Low kepada Azlin.

Leissner turut mendedahkan bahawa dia dan Roger Ng masing-masing menerima 'imbuhan' AS\$17.5 juta (RM73.4 juta) untuk pembabitannya dalam terbitan bon pertama di bawah Projek Magnolia bernilai AS\$1.75 bilion (RM7.34 bilion).

Tambahnya lagi, mereka menerima 'imbuhan' untuk bon kedua di bawah Projek Maximus, juga bernilai AS\$1.75 bilion (RM7.34 bilion), tetapi dia tidak menyatakan jumlah sebenar yang mereka terima.

Ketika terbabit urusan niaga 'skim haram' itu, Leissner mengaku bimbang dengan persepsi negatif media, namun tidak lagi khuatir selepas Najib menang PRU13.

AGENSI



Tim Leissner